

## ABSTRAK

Bidang penerbitan merupakan suatu perniagaan yang tidak sukar diceburi. Walau bagaimanapun sesebuah penerbit harus mengetahui susah senangnya menguruskan perniagaan penerbitan. Kebolehan mengurus dengan baik akan dapat memastikan produk yang dirancang dapat dikeluarkan mengikut jadual, tiba di pasaran pada masa yang tepat, dan yang paling penting dapat diterima oleh pengguna. Kajian ini memperlihatkan tatacara dan permasalahan pengurusan dalam Editorial, iaitu jabatan yang merupakan nadi utama sesebuah penerbit, dengan mengambil Cerdik Publications Sdn. Bhd. sebagai kajian kes. Hasil kajian, pengkaji mendapati bahawa model pengurusan yang diikuti oleh penerbit ini selari dengan standard umum yang diamalkan oleh mana-mana penerbit. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang masih boleh diatasi sekiranya penerbit membuat beberapa pembaikan berdasarkan pengalaman-pengalaman syarikat lain. Akhir sekali, pengkaji menyarankan beberapa cadangan agar pengurusan Editorial di syarikat ini dapat dipertingkatkan.

## ABSTRACT

It is definitely not difficult to venture into the publishing business. However, publisher must have good management knowledge to manage the business properly. The ability to perform a good management skill will ensure that books are published on time, as per schedule, and well accepted by consumers. This study attempts to outline criterias and problems faced by Editorial, a department which every publisher normally refers as "the heart of the publisher", focusing on Cerdik Publications Sdn. Bhd. as a case study. The study shows that Cerdik Publications Sdn. Bhd. is following the standard management model as other publishers do. Nevertheless, a few weaknesses identified, but still can be resolved by following the past experiences of other publishers. Lastly, the study will outline a few suggestions to improve the quality of Editorial management.